



08 JUN, 2025

Faktor Petronas kurangkan pekerja

Mingguan Malaysia, Malaysia



Faktor Petronas kurangkan pekerja

PETALING JAYA: Penurunan harga minyak mentah dunia serta cabaran global dalam industri minyak dan gas, faktor Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) mengurangkan 5,000 tenaga kerjanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pengurangan itu juga tiada kaitan dengan isu membabitkan Petroleum Sarawak Berhad (Petros).

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) berkata, pihaknya akan mengadakan perjumpaan bersama Petronas berhubung langkah pengurangan pekerja.

“Tidak, ia tiada kaitan dengan itu. Ia sebenarnya disebabkan oleh keadaan global, terutamanya penurunan dan turun naik harga minyak.

“Petronas perlu melihat semula keseluruhan operasinya. Saya merancang untuk mengadakan pertemuan dengan mereka untuk mendapatkan taklimat mengenai perkara itu dan bagi memastikan jumlah pemberhentian pekerja dapat dikurangkan, jika tidak dapat dielakkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis korban Aidiladha di Masjid Darul Husni Warrahmah di Taman Hussien, Petra Jaya, Kuching

semalam.

Sementara itu, Felo Penyelidik Pusat Pembangunan Ekonomi dan Dasar, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Mohamad Isa Abd. Jalil berkata, kemelut dengan Petros bukan faktor utama Petronas mengurangkan 10 peratus pekerjaanya dalam proses penstrukturan semula.

Beliau berkata, Petronas juga tidak memberhentikan pekerja semata-mata kerana kekurangan dana tetapi sebagai langkah strategik untuk mentransformasikan syarikat.

“Petronas sedang melaksanakan transformasi menyeluruh bagi menyesuaikan diri dengan perubahan landskap industri tenaga global.

“Petronas buang pekerja bukan kerana semata-mata ‘tak cukup duit’. Mereka sedang mengubah ‘DNA’ syarikat iaitu daripada syarikat minyak tradisional kepada entiti tenaga moden, lebih ramping, dan lebih responsif kepada realiti baru industri global,” katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Mohamad Idham Md. Razak pula menyarankan kerajaan melaksanakan audit menyeluruh terhadap semua syarikat



Petronas buang pekerja bukan kerana semata-mata ‘tak cukup duit’. Mereka sedang mengubah ‘DNA’ syarikat iaitu daripada syarikat minyak tradisional kepada entiti tenaga moden, lebih ramping, dan lebih responsif.”

berkaitan kerajaan (GLC) bagi menilai tahap kecukupan, potensi serta sumbangan sebenar mereka terhadap ekonomi negara.

Jelasnya, langkah itu penting bagi mengenal pasti GLC yang masih relevan dan berpotensi tinggi agar sumber negara tidak dibazirkan kepada entiti yang tidak lagi strategik.

“GLC yang tidak produktif perlu disusun semula, diswasta-

kan atau digabungkan manakala GLC yang berada dalam sektor kritikal seperti tenaga, digital serta logistik wajar diberi galakan untuk berkembang di peringkat global.

“Pendekatan lebih dinamik seperti pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), selain kerjasama antarabangsa boleh membantu melonjakkan daya saing dan sumbangan GLC kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara,” katanya.

Pensyarah Kanan Ekonomi Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seremban, Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad pula berkata, selain Petronas terdapat beberapa syarikat GLC yang kukuh dan mampu untuk memberi impak positif kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

“Syarikat seperti Khazanah, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam sektor tenaga, institusi kewangan seperti Maybank, CIMB, Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

“Sektor-sektor yang diwakili oleh syarikat ini boleh memberi nafas dan anjakan paradigma terhadap pendapatan negara secara berterusan,” katanya.